

TARIKH	SELASA, 6 JUN 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	FAHAMI TERAS DASAR KESELAMATAN NEGARA
M/S	4
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

4 **Nasional**

Fahami teras Dasar Keselamatan Negara

Kuala Lumpur: Semua pihak perlu faham sepenuhnya asas sebenar Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara diwujudkan kerana ia adalah teras pembinaan serta pembangunan Malaysia.

Pemahaman itu penting supaya tidak ada sebarang isu dicetuskan sehingga boleh menimbulkan salah faham, khususnya berkait sentimen kaum, agama, bangsa dan raja.

Penganalisis Keselamatan dan Politik Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informatik, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Noor Nirwandy Mat Noordin, berkata bagi ahli politik pula, mereka juga perlu memahami teras keselamatan negara.

"Fahami terasnya seperti terkandung dalam Dasar Keselamatan Negara supaya sebarang ancaman dapat ditangani bersama. Apabila semua faham teras itu, secara tidak langsung ahli politik dapat bersama membangunkan aspek itu dengan mudah dalam pembangunan negara.

"Geopolitik, ketidakpastian ekonomi dan permasalahan global boleh beri impak secara langsung dan tidak langsung kepada negara. Jadi, penting untuk bawa masyarakat ke dalam kebersamaan, pastikan kestabilan politik dapat dikekalkan untuk jangka panjang," katanya.

Beliau mengulas titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kelmarin supaya rakyat tidak menjadikan isu agama sebagai polemik dan perbalahan politik.

Noor Nirwandy menyifatkan titah Seri Paduka itu amat tepat pada masanya agar tiada pihak sesekali cuba mempertikaikan segala perkara sudah termak-

tub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Pensyarah Kanan Pusat Perdana Fakulti Teknologi dan Informatik Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali pula berkata, Seri Paduka atas peranan Ketua Agama Islam berhak menasihatkan semua pihak supaya tidak mengaitkan isu agama dalam kempen politik.

"Isu agama mudah menarik perhatian orang, mudah untuk dapatkan sokongan, undi dan cepat popular. Namun impaknya besar hingga boleh membentuk ketidakharmonian negara, jadi perlu ada tindakan diambil sekiranya itu berlaku.

"Pihak berkuasa juga perlu beri perhatian, ambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang degil dan dakwa di mahkamah jika ada asas kukuh dalam tuduhan. Kalau masih degil, bermakna mereka tidak hormat nasihat baginda.

"Ada sebab mengapa Tuan-ku bertitah demikian kerana baginda juga terbabit dalam penubuhan Kerajaan Perpaduan dan ingin lihat politik negara stabil, kerajaan dapat fokus kepada kerja pemulihan selepas pandemik," katanya.

Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, berkata Islam mempunyai idealisme tertentu mengenai kehidupan berpolitik umatnya serta menyediakan arahan, bimbingan dan kaedah tersendiri bagi mencapai matlamat menegakkan negara contoh.

"Namun, tak bererti ia beri lesen kepada mana-mana pihak untuk menunggang agama bagi capai cita-cita. Tidak wajar mufti, agamawan atau ilmuwan agama beri pandangan mengharuskan agama diperalatkan parti politik untuk dapat kuasa memerintah," katanya.

DISEDIAKAN OLEH	PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--